

*Tarikh Dibaca: 13 Disember 2024 | 11 Jumadal Akhirah 1446H*



# KHUTBAH JUMAAT

*Tajuk:*

**“ZAKAT MEMBINA UMAT BERMARUAH”**

\*\*\*

*Terbitan:*  
*Unit Khutbah*  
*Bahagian Pengurusan Masjid*  
**JABATAN AGAMA ISLAM SELANGOR**



## "ZAKAT MEMBINA UMAT BERMARUAH"

الْحَمْدُ لِلَّهِ الْقَائِلُ : حُذْ مِنْ أَمْوَالِهِمْ صَدَقَةً تُظْهِرُهُمْ وَتُزَكِّيْهِمْ بِهَا

وَصَلَّ عَلَيْهِمْ إِنَّ صَلَوَاتَكَ سَكَنٌ لَّهُمْ وَاللَّهُ سَمِيعٌ عَلِيمٌ<sup>1</sup> ﴿١٠٣﴾

أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّداً عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ . اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِينَ .

أَمَّا بَعْدُ، فَيَا أَيُّهَا الْمُسْلِمُونَ اتَّقُوا اللَّهَ، أُوصِيكُمْ وَإِيَّاهُ يَتَقَوَّى اللَّهِ فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ .

قَالَ اللَّهُ تَعَالَى: يَأَيُّهَا الَّذِينَ إِيمَانُهُمْ أَتَقُوا اللَّهَ حَقَّ ثُقَاتِهِ وَلَا تَمُوتُنَّ إِلَّا وَأَنْتُمْ مُسْلِمُونَ<sup>2</sup> ﴿١٠٦﴾

**Muslimin yang dirahmati Allah SWT sekalian,**

Saya menyeru agar kita bersama-sama meningkatkan ketakwaan kita kepada Allah SWT dengan melaksanakan segala perintah dan meninggalkan segala perkara yang dilarang-Nya. Semoga kita semua diberikan kebahagiaan dan kejayaan di dunia dan akhirat. Para jemaah

<sup>1</sup> al-Taubah : 103

<sup>2</sup> ali-'Imran: 102.



diingatkan supaya jangan bermain dengan telefon bimbit ketika khutbah disampaikan.

Pada hari yang mulia ini mimbar akan membicarakan khutbah bertajuk "**ZAKAT MEMBINA UMAT BERMARUAH**".

### **Hadirin Jumaat yang dirahmati Allah SWT,**

Zakat adalah ibadah yang disyariatkan untuk mengangkat martabat umat Islam. Sejarah membuktikan bahawa zakat bukan sekadar ibadah individu, tetapi satu sistem sosial yang menjaga hak-hak manusia, melindungi maruah dan menegakkan maqasid syariah, khususnya dalam menjaga agama dan menjaga harta.

Melihat sejarah pada era Mekah, sebagaimana disebut oleh Prof. Dr. Yusuf al-Qaradawi dalam kitabnya *Fiqh al-Zakah*, zakat telah diwajibkan pada waktu itu namun dengan perincian yang belum ditetapkan. Golongan fakir, miskin, dan hamba sahaya, terutamanya mereka yang baru memeluk Islam, menjadi penerima utama zakat. Ini adalah bukti bagaimana zakat membela maruah mereka, melindungi mereka daripada penghinaan kaum Quraisy, dan pada masa yang sama menguatkan pegangan akidah mereka.

Namun di era Madinah, Allah SWT melalui wahyu-Nya menetapkan penerima zakat kepada lapan golongan iaitu fakir, miskin, (*amil*) mereka yang menguruskan zakat, (*muallaf*) golongan yang baru memeluk Islam, (*al-gharimin*) golongan yang berhutang, (*fisabilillah*) golongan yang berjuang menegakkan agama Allah SWT, (*al-Riqab*) golongan yang ingin membebaskan diri daripada belenggu perhambaan atau tawanan dan (*ibnu sabil*) musafir yang memerlukan bantuan. Ini adalah manifestasi keadilan



Islam dalam menjaga kestabilan sosial, memperkuuhkan akidah dan memperjuangkan kesejahteraan umat.

### **Hadirin Jumaat yang dirahmati Allah SWT,**

Sehingga kini di negeri Selangor, lebih 70,000 keluarga fakir, miskin, dan muallaf telah menerima manfaat zakat, dengan jumlah pengagihan mencecah ratusan juta ringgit setiap tahun.

Dengan zakat, kita memastikan tiada umat Islam yang terpaksa menggadai akidah mereka kerana tekanan kemiskinan. Dengan zakat juga, pendidikan anak-anak fakir, miskin dan golongan fisabilillah terus terjamin demi kelangsungan hidup.

Hakikatnya, zakat tidak hanya menyentuh aspek kebendaan, tetapi juga memberikan kesan mendalam kepada kesejahteraan rohani sebagaimana firman Allah SWT dalam surah al-Taubah ayat 103 yang telah dibacakan di awal khutbah yang bermaksud:

*"Ambillah sebahagian daripada harta mereka sebagai sedekah (zakat) untuk membersihkan dan menyucikan mereka dengannya, dan doakanlah mereka. Sesungguhnya doa kamu itu (menjadi) ketenteraman jiwa bagi mereka. Dan (ingatlah) Allah Maha Mendengar lagi Maha Mengetahui."*

Melalui ayat ini juga, kita dapat memahami bahawa zakat menyucikan jiwa kita daripada sifat kedekut dan tamak di samping menjadi wasilah untuk membersihkan harta kita daripada unsur yang meragukan, menjadikan keberkatannya bertambah.

### **Hadirin Jumaat yang dirahmati Allah SWT,**

Dari sudut sosio ekonomi, zakat berperanan sebagai mekanisme pengagihan kekayaan secara adil dan saksama. Di negeri Selangor sahaja, ribuan keluarga fakir dan miskin telah berjaya keluar daripada kitaran kemiskinan melalui bantuan zakat yang disalurkan. Ada yang kini mampu berdikari dengan perniagaan kecil yang dibiayai zakat. Ada juga anak-anak asnaf yang berjaya melanjutkan pelajaran dan kini menyumbang kembali kepada masyarakat.

Ini berdasarkan kepada sebuah hadis Nabi Muhammad SAW yang diriwayatkan oleh Ibnu Abbas RadhiAllahuAnhu, ketika Baginda SAW mengutus Muaz bin Jabal RadhiAllahuAnhu ke negeri Yaman, Baginda SAW bersabda:

أَدْعُهُمْ إِلَى شَهَادَةٍ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ، وَأَنِّي رَسُولُ اللَّهِ،  
فَإِنْ هُمْ أَطَاعُوا لِذَلِكَ، فَأَعْلَمُهُمْ أَنَّ اللَّهَ قَدِ افْتَرَضَ  
عَلَيْهِمْ خَمْسَ صَلَواتٍ فِي كُلِّ يَوْمٍ وَلَيْلَةً، فَإِنْ هُمْ أَطَاعُوا  
لِذَلِكَ، فَأَعْلَمُهُمْ أَنَّ اللَّهَ افْتَرَضَ عَلَيْهِمْ صَدَقَةً فِي أَمْوَالِهِمْ  
تُؤْخَذُ مِنْ أَغْنِيَاءِهِمْ وَتُرَدُّ عَلَى فُقَرَائِهِمْ.

"Serulah mereka kepada syahadah (penyaksian) bahawa tiada Tuhan yang sebenar-benarnya berhak disembah melainkan Allah dan aku adalah utusan Allah. Jika mereka mentaati perkara tersebut, maka sampaikanlah kepada mereka bahawa Allah SWT telah mewajibkan solat lima waktu sehari semalam ke atas mereka. Jika mereka mentaati perkara tersebut,



maka sampaikanlah kepada mereka bahawa Allah SWT telah mewajibkan ke atas mereka sedekah (zakat) pada harta-harta mereka, yang diambil daripada orang-orang kaya dalam kalangan mereka dan diberikan kepada orang-orang miskin dalam kalangan mereka.”

(Riwayat al-Bukhari).

Melalui zakat juga, masyarakat Islam dapat diselamatkan daripada ancaman monopoli kekayaan yang boleh menyebabkan jurang sosial semakin melebar tanpa sebarang kekangan sehingga mengundang kehancuran moral.

Allah SWT telah berfirman dalam Surah al-Hasyr ayat 7:

كَلَّا يَكُونَ دُولَةً بَيْنَ الْأَغْنِيَاءِ مِنْكُمْ

“(Ketetapan yang demikian) supaya harta itu tidak hanya beredar di antara orang-orang kaya dari kalangan kamu”.

**Hadirin Jumaat yang dirahmati Allah SWT,**

Ibnu Khaldun dalam karya agungnya al-Muqaddimah, menekankan bahawa salah satu tugas utama pemerintah Islam adalah memastikan keadilan dalam pembangunan umat. Ini termasuk memastikan setiap individu terutamanya golongan yang memerlukan diberi peluang untuk mengembangkan potensi diri melalui pendidikan yang berkualiti. Di negeri Selangor, bantuan zakat dalam sektor pendidikan telah berjaya melahirkan anak-anak asnaf fakir, miskin, dan golongan fisabilillah yang kini berjaya menamatkan pengajian mereka sehingga menjadi ahli akademik mahupun



tenaga kerja profesional yang memberi sumbangan besar kepada masyarakat.

Maka dengan zakat yang disalurkan itu, kita bukan sahaja memenuhi tuntutan ibadah tetapi juga melaksanakan tanggungjawab kita untuk memartabatkan agama Allah SWT. Anak-anak yang mendapat manfaat zakat ini kelak akan menjadi pemimpin, ilmuwan, dan pakar yang akan membawa kemajuan kepada umat Islam seluruhnya.

### **Hadirin Jumaat yang berbahagia,**

Penting bagi kita memahami bahawa kemiskinan bukan hanya membuka ruang kepada jenayah fizikal tetapi juga berpotensi menggugat akidah. Realitinya, ada dalam kalangan mereka yang terpaksa menggadaikan akidah dan maruah kerana tekanan hidup dalam kemiskinan.

Dalam hal ini, Abu Bakrah Radhiallahu anhu pernah meriwayatkan doa yang diajarkan baginda Nabi SAW yang bermaksud:

*"Ya Allah, aku berlindung kepada-Mu daripada kekufuran, kemiskinan, dan azab kubur."*

*(Sunan al-Nasa'i).*

Renungkanlah betapa zakat mampu mengubah kehidupan seseorang. Daripada seorang yang terhina kerana kemiskinan kepada seorang yang bermaruah, mampu berdiri tegak sebagai muslim yang berbakti.

Semoga dengan menunaikan zakat, Allah SWT mengampuni dosa-dosa kita, menyucikan jiwa dan harta kita, serta menjadikan kita



sebahagian daripada golongan yang menyumbang kepada pembangunan masyarakat Islam yang bermaruah dan diberkati.

### **Hadirin Jumaat yang dikasihi Allah SWT,**

Mengakhiri khutbah pada hari ini, marilah kita mengambil iktibar dengan memahami, mengingati dan mengamalkan beberapa pengajaran berikut dalam kehidupan seharian:

1. Umat Islam hendaklah memahami bahawa zakat bukan hanya memberi manfaat kepada golongan yang memerlukan tetapi juga berperanan dalam menjaga keharmonian sosial dan kesejahteraan akidah umat Islam.
2. Umat Islam hendaklah menyedari bahawa zakat merupakan rukun Islam yang wajib ditunaikan dengan tujuan menyucikan jiwa dan membersihkan harta.
3. Umat Islam hendaklah menjalankan tanggungjawab menunaikan zakat melalui institusi zakat yang telah diamanahkan oleh Ulil Amri agar pengagihan dapat dijalankan secara adil dan saksama kepada golongan asnaf yang berhak menerimanya.

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ  
إِنَّمَا وَلِيُّكُمُ اللَّهُ وَرَسُولُهُ وَالَّذِينَ يُقِيمُونَ الصَّلَاةَ  
وَيُؤْتُونَ الْزَّكُوَةَ وَهُمْ رَاكِعُونَ

*"Sesungguhnya Penolong kamu hanyalah Allah dan Rasul-Nya, serta orang-orang yang beriman, yang mendirikan sembahyang dan menunaikan zakat, sedang mereka rukuk (tunduk menjunjung perintah Allah)".*



(Surah al-Maidah: 55)

بَارَكَ اللَّهُ لِيْ وَلَكُمْ فِي الْقُرْآنِ الْعَظِيمِ وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا  
فِيهِ مِنَ الآيَاتِ وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ وَتَقَبَّلَ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ  
إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ.

أَقُولُ قَوْلِيْ هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِيْ وَلَكُمْ وَلِسَائِرِ  
الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ فَاسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ الْغَفُورُ الرَّحِيمُ



## KHUTBAH KEDUA

الْحَمْدُ لِلَّهِ الَّذِي جَعَلَنَا مِنَ الْمُسْلِمِينَ، وَرَزَقَنَا مِنَ  
الطَّيِّبَاتِ. أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ،  
وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّداً عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ. اللَّهُمَّ صَلِّ وَسِلِّمْ وَبَارِكْ  
عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ وَمَنْ تَبَعَهُمْ بِإِحْسَانٍ  
إِلَى يَوْمِ الدِّينِ. أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ! اتَّقُوا اللَّهَ!  
أُوصِيكُمْ وَإِيَّاهُ بِتَقْوَى اللَّهِ فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ.

إِنَّ اللَّهَ وَمَلَكِيَّتَهُ يُصَلِّونَ عَلَى النَّبِيِّ يَأْمُرُهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا صَلَوَا  
عَلَيْهِ وَسَلِّمُوا تَسْلِيمًا

⑥

الَّهُمَّ صَلِّ وَسِلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَاصْحَابِهِ  
أَجْمَعِينَ.

الَّهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ  
الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ، إِنَّكَ سَمِيعٌ قَرِيبٌ مُجِيبُ الدَّعَوَاتِ  
وَيَا قَاضِي الْحَاجَاتِ.



اللَّهُمَّ أَصْلِحْ أَئِمَّةَ الْمُسْلِمِينَ وَوُلَادَةَ أَمْوَارِهِمْ وَجَمِيعَ  
الْمُسْلِمِينَ

اللَّهُمَّ إِنَّا نَسْأَلُكَ وَنَتَوَسَّلُ إِلَيْكَ بِنَبِيِّكَ الْأَمِينِ، وَنَسْأَلُكَ  
بِأَسْمَاءِكَ الْحُسْنَى، وَصِفَاتِكَ الْعُظْمَى، أَنْ تَحْفَظَ بِعِينِ  
عِنَايَاتِكَ الرَّبَّانِيَّةِ، وَبِحِفْظِ وِقَايَاتِكَ الصَّمَدَانِيَّةِ، جَلَالَةَ مَلِكِنَا  
الْمُعَظَّمِ، سُلْطَانِ سلاطُورِ، سُلْطَانِ شَرْفِ الدِّينِ ادْرِيسِ  
شَاهِ الحاجِ ابْنِ المَرْحُومِ سُلْطَانِ صَلَاحِ الدِّينِ عَبْدِ العَزِيزِ  
شَاهِ الحاجِ. أَللَّهُمَّ أَدِمِ الْعَوْنَ وَالْهِدَايَةَ وَالتَّوْفِيقَ، وَالصِّحَّةَ  
وَالسَّلَامَةَ مِنْكَ، لِوَلِيِّ عَهْدِ سلاطُورِ، تَغْكُو أَمِيرِ شَاهِ ابْنِ  
السُّلْطَانِ شَرْفِ الدِّينِ ادْرِيسِ شَاهِ الحاجِ، فِي أَمْنٍ وَصَلَاحٍ  
وَعَافِيَةٍ بِمِنْكَ وَكَرَمِكَ يَا ذَا الْجَلَالِ وَالْإِكْرَامِ. أَللَّهُمَّ أَطِلْ  
عُمْرَهُمَا مُصْلِحَيْنِ لِلْمُؤْظَفِينَ وَالرَّعِيَّةَ وَالبِلَادِ، وَبِلْغْ  
مَقَاصِدَهُمَا لِطَرِيقِ الْهُدَى وَالرَّشَادِ.

Ya Allah! kami berlindung dengan-Mu daripada ujian yang berat, daripada ditimpa kecelakaan, takdir yang buruk dan kegembiraan para musuh atas ujian dan kecelakaan yang menimpa kami. Ya Allah, kami



mengharap perlindungan-Mu, daripada hilangnya nikmat yang Engkau berikan, dari berubahnya kesihatan yang Engkau kurniakan, lindungi negeri kami dari datangnya bencana dan malapetaka. Ya Allah, hanya Engkau yang Maha menyelamatkan, selamatkan umat Islam dan Masjid Al Aqsa di Palestin.

Ya Allah! Jadikanlah kami antara hamba-Mu yang menjaga amanah. Kuatkan iman kami agar menjauhi perbuatan khianat serta jauhkan kami termasuk dalam golongan yang mengabaikan tanggungjawab dan jauhi negeri dan negara kami daripada kehancuran disebabkan perbuatan rasuah, penyelewengan dan salah guna kuasa. Serahkan tanggungjawab memimpin negara kami kepada hamba-Mu yang amanah dan jujur serta tegas lagi berani menegakkan kebenaran dan melaksanakan keadilan berlandaskan syariat. Jadikanlah Ya Allah masjid dan surau di Negeri Selangor rumah-rumah-Mu yang aman, mempersatukan dan menjadi nadi kekuatan ummah.

Ya Allah! Bukakanlah pintu hati umat Islam khususnya di Negeri Selangor untuk menunaikan zakat dengan penuh keikhlasan. Limpahkanlah keberkatan kepada mereka yang melaksanakan kewajipan zakat pada harta, pendapatan, dan keluarga mereka. Jauhkanlah mereka dari segala musibah dan kesulitan dan jadikanlah zakat sebagai salah satu jalan mereka meraih rahmat-Mu dan balasan syurga yang abadi di akhirat kelak.

رَبَّنَا هَبْ لَنَا مِنْ أَزْوَاجِنَا وَذُرِّيَّتِنَا قُرَّةً أَعْيُنٍ وَأَجْعَلْنَا لِلْمُتَّقِينَ إِمَامًا  
٧٤

رَبَّنَا عَاتَنَا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةً وَفِي الْآخِرَةِ حَسَنَةً وَقَنَا عَذَابَ النَّارِ  
٦١



عِبَادَ اللَّهِ، إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَالْإِحْسَانِ وَإِيتَاءِ ذِي الْقُرْبَىٰ وَيَنْهَا  
عَنِ الْفَحْشَاءِ وَالْمُنْكَرِ وَالْبَغْيِ يَعِظُكُمْ لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ ﴿٩٦﴾

فَادْكُرُوا اللَّهَ الْعَظِيمَ يَذْكُرُكُمْ وَاسْكُرُوهُ عَلَى نِعْمَتِهِ يَزِدُّكُمْ،  
وَاسْأَلُوهُ مِنْ فَضْلِهِ يُعْطِكُمْ وَلَذِكْرُ اللَّهِ أَكْبَرُ وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا  
تَصْنَعُونَ.